

Atlet sukan bola tampar UPM, Muhammad Faizol idam ke Sukan SEA

Oleh : Zulaika Zull Kafli



Siapa sangka ajakan dari jurulatih untuk menyertai latihan bola tampar bersama rakan-rakan di sekolah mencetuskan minat terhadap sukan bola tampar. Muhammad Faizol Ikmal Bin Sharif, 21, merupakan atlet bola tampar kebangsaan dan kebanggaan negeri Johor. Bakat dan minatnya terhadap sukan bola tampar disedari olehnya seawal usia 9 tahun ketika beliau menuntut di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Air Bemban di Kulai, Johor.

Pada awalnya, Muhammad Faizol sekadar gemar meihat rakan-rakannya menjalani sesi latihan sukan bola tampar di padang sekolah sehinggalah dia dipanggil oleh jurulatih untuk turut berlatih bersama mereka. Bermula dari saat itu, Muhammad Faizol aktif menyertai pelbagai kejohanan sukan bola tampar dan mewakili negeri kelahirannya sendiri, negeri Johor.

Perjalanan hidupnya sebagai seorang atlet sukan bola tampar bermula ketika usianya 11 dan 12 tahun apabila mewakili negeri Johor dalam Kejohanan Majlis Sukan Sukan Malaysia (MSSM) di Kelantan dan di Kedah. Muhammad Faizol seterusnya melanjutkan pelajaran ke Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI). Antara penglibatan cemerlangnya dalam sukan bola tampar ialah mewakili Johor bagi Kejohanan SUKMA 2013 di Kuala Lumpur ketika usia 15 tahun, memenangi pingat perak dalam Kejohanan Piala Dato Bandar, memenangi pingat gangsa mewakili Malaysia dalam Kejohanan Asean Super Game di Filipina dan Asia Championship di Thailand ketika usia 16 tahun, menyertai

SUKMA 2016 di Sarawak ketika usia 18 tahun, seterusnya mewakili kelab Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan kelab daerah Segamat.

Biarpun menggenggam beberapa pingat dalam kejohanan-kejohanan terbesar, Muhammad Faizol tidak dapat menafikan cabaran yang dihadapinya untuk melayakkan diri menyertai kejohanan tersebut. *“Saya menghadapi saingan dalam kalangan rakan sepasukan sendiri apabila perlu berebut kedudukan untuk mewakili kejohanan tersebut. Kami berebut untuk posisi “libero” dan saya gagal untuk kekalkan posisi itu yang sememangnya posisi asal saya dalam sukan ini dan akhirnya terpaksa akur untuk mengisi posisi “spiker”. Itu adalah cabaran terbesar buat saya sebagai seorang atlet sukan bola tampar”*, jelasnya.

Dari segi latihan, selaku penyandang posisi “libero”, Muhammad Faizol berlatih sebanyak 3 kali seminggu. Antara rutin yang dilakukan dalam sesi latihannya adalah asas teknik menyanggar dan angkat bebanan di gim untuk memperkuat otot kaki. Latihan yang sama turut dilakukan ketika menuntut di SSTMI. Setiap hari, seawal jam 6.00 pagi sehingga 8.00 pagi adalah waktu yang diluangkan untuk sesi senaman dan disambung pada sebelah petang pada pukul 3.30 sehingga 6.30 petang bagi sesi latihan.



Aksi Muhammad Faizol di salah satu kejohanan yang diwakilinya.

Muhammad Faizol yang turut merupakan pelajar jurusan Bacelor Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM) ini akur bahawa sukar mengimbangi antara sukan dan pelajaran kerana kedua-duanya menuntut komitmen yang tinggi. *“Sebagai seorang pelajar saya perlu bijak menguruskan masa untuk belajar pada masa yang sama terikat dengan aktiviti sukan. Komitmen itu kadangkala satu bebanan buat saya”*, katanya.

Biar pun begitu, Muhammad Faizol turut berkecimpung dalam bidang peragaan. *“Selepas tamat tingkatan 5, saya berminat untuk menjadi model dan secara suka-suka memasuki pertandingan peragaan. Alhamdulillah saya menang top 5 dan terus aktif dalam bidang ini sehingga sekarang”*, jelasnya.



Muhammad Faizol di Pentas Peragaan Malam Gala Muafakat Johor 2017.

Menutup topik perbualan, Muhammad Faizol menyimpan harapan untuk mewakili Malaysia bagi kejohanan sukan SEA pada masa akan datang dan memberikan nasihat buat peminat sukan bola tampar agar tidak berputus asa untuk terus berjuang buat negara.